

## **KEBERKESANAN MEDIUM MAKLUMAT SEBAGAI PERANTARAAN TERHADAP POTENSI BERZAKAT: KAJIAN KES GOLONGAN MUDA (PELAJAR IPT)**

Aza Shahnaz Azman, Norzalina Zainudin, Latifa Bibi Musafar Hameed  
Jabatan Ekonomi , Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[azashahnaz@kuis.edu.my](mailto:azashahnaz@kuis.edu.my), [norzalina@kuis.edu.my](mailto:norzalina@kuis.edu.my), [latifabibi@kuis.edu.my](mailto:latifabibi@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Medium maklumat adalah antara saluran yang digunapakai untuk menyampaikan informasi kepada masyarakat. Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil inisiatif dengan melihat bagaimana medium ini berfungsi dalam penyebaran maklumat tentang zakat pendapatan. Penggunaan medium ini membolehkan masyarakat bertindak dalam menunaikan tanggungjawab terhadap agama sekaligus membentuk masyarakat prihatin dan syumul. Justeru itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti medium yang digunakan adalah benar-benar memberi impak positif dan sekaligus akan membentuk masyarakat yang berpotensi untuk berzakat. Dengan menggunakan analisis SEM/AMOS didalam pengujian ini, beberapa pembolehubah bebas telah dikenalpasti sebagai faktor yang signifikan mempengaruhi potensi berzakat. Kajian analisis menunjukkan bahawa penggunaan medium sebaran maklumat adalah berpadanan dengan objektif serta ia menggalakan golongan muda untuk berzakat. Antara medium yang memberi kesan dan sewajarnya diberi perhatian adalah penggunaan medium dua hala iaitu melalui ceramah, kuthbah serta kuliah yang membabitkan peranan pegawai zakat yang ditugaskan disetiap daerah. Melalui mediaum inilah informasi harus disebarkan agar masyarakat tidak lagi memandang lesu tentang zakat pendapatan.*

**Kata Kunci:** *Medium Zakat, pengetahuan, potensi berzakat pendapatan*

---

### **1. PENGENALAN KAJIAN**

Rukun Islam yang difardukan keatas umat Islam pada tahun ke2 Hijrah adalah Zakat. Zakat yang didefinasikan ialah kadar harta yang tertentu dengan syarat yang tertentu yang diberikan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya. Keperluan berzakat thabit melalui Al-Quran dan Al-Sunnah serta Ijmak sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, rukuklah kamu semua bersama orang-orang yang rukuk”

( Al-Baqarah 2: 43)

Dan firman Allah swt

“Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka”

(Al-Tawbah 9: 103)

Menurut Husein Sahata (2003), kategori zakat pendapatan dibahagikan kepada dua iaitu zakat pendapatan professional yang juga disebut sebagai Al-u'tiyaat (pemberian) seperti gaji, upah atau insentif yang diterima. Manakala kategori yang kedua ialah zakat-mal Al mustafad iaitu pendapatan yang dihasilkan dari kerja professional tersebut seperti doctor, akauntan dan sebagainya. Secara umumnya, konsep al-mal al mustafad telah diperkenalkan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi iaitu pendapatan yang dihasilkan bukan dari harta yang dimiliki atau yang ditukar ganti, tetapi yang diperolehi dengan cara menerima upah, gaji dan sebagainya. Orang yang wajib berzakat perlu memenuhi syaratnya iaitu memiliki harta melebihi nisab dan keperluan. Manakala pengurusan harta adalah dibawah tanggungjawab amil atau serta institusi yang dapat menguruskan harta zakat pemberi.

Pengurusan zakat di Malaysia tertakluk dibawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui Majlis-Majlis Agama Islam Negeri. Hampir kesemua negeri telah menubuhkan institusi zakat masing-masing dalam menjalankan perintah agama ini. Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah salah satu institusi yang ditubuhkan dinegeri Selangor di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Hasil perolehan kutipan zakat pada tahun 2012 telah meningkat sebanyak 14% iaitu RM287juta berbanding tahun sebelumnya. Manakala perolehan kutipan zakat pada tahun berakhir September 2013 adalah sebanyak RM331 juta dengan peningkatan sebanyak 15%. Potensi besar ini mendapati bahawa hanya 46% sahaja penduduk Selangor yang layak untuk berzakat pendapatan dan telah memenuhi tuntutan tersebut, ia dibuktikan oleh kajian Mohamad, Amirul, Hardi & Che Nurul (2011).

Seterusnya menurut laporan kewangan Lembaga Zakat Selangor pada tahun 2013, jenis-jenis kutipan yang menyumbang peratusan yang besar ialah kutipan zakat pendapatan sebanyak RM103.9 juta, manakala kutipan yang kedua terbanyak adalah daripada zakat perniagaan iaitu RM62.5juta, RM22.3 juta pula adalah hasil kutipan daripada zakat simpanan dan penyumbang yang keempat terbesar adalah zakat fitrah iaitu RM18.2 juta walaupun zakat fitrah hanya dikutip sekali dalam setahun. Perolehan ini dianggap sebagai satu indikator bahawa potensi kutipan yang lebih besar perlu diterokai oleh institusi zakat didalam pengurusan kutipan zakat. Tumpuan kajian juga menitikberatkan faktor yang mempengaruhi potensi dikalangan golongan muda untuk berzakat.

Umumnya perbincangan makalah ini menitik beratkan lima bahagian iaitu pertama adalah pengenalan kepada kajian, kedua tertumpu kepada kajian literatur mengenai zakat pendapatan. Manakala bahagian ketiga melihat kepada rasional kajian ini serta hasil kajian adalah bahagian yang keempat dan diakhiri dengan kesimpulan didalam bahagian kelima.

## **2. KAJIAN LITERATUR**

Beberapa kajian empirikal yang mengenai kesedaran pembayaran zakat pendapatan yang telah dikenalpasti ialah hasil kajian oleh Nor Ghani, Hairunnizam (2003) mendapati bahawa tahap kesedaran individu berkait rapat dengan tahap pengetahuan berzakat dan tahap keimanan. Secara positifnya, apabila tahap pengetahuan dan kesedaran individu tinggi maka, semakin tinggi juga kebarangkalian individu tersebut untuk menunaikan tuntutan berzakat. Pendapat ini diteliti oleh kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2005) mendapati bahawa kempen penerangan perlu dilaksanakan bagi mendekati dan memberi kesedaran kepada golongan

muda kerana mereka merupakan kumpulan sasaran yang berpotensi untuk membayar zakat pendapatan pada masa hadapan. Seterusnya menerusi kajian oleh Mohd Ali et al.(2003), melalui model logit, dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengetahuan responden dengan pembayaran zakat pendapatan.

Berpengetahuan tentang peri pentingnya berzakat oleh individu muslim adalah satu ibadah kerana ia mencetuskan kepada ibadah yang lain. Kefahaman tentang zakat akan membawa ke peringkat kesedaran lalu ia menunaikan tuntutan ibadah tersebut. Selain daripada itu, signifikannya kepatuhan beribadah mempengaruhi tuntutan ibadah yang lain. Pendapat ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Kamil, Chek Derashid dan Engku Ismail (1997) yang menyatakan bahawa sikap kepatuhan amat penting dalam menentukan kepatuhan untuk membayar zakat. Kesedaran dan berpengetahuan juga turut dibuktikan didalam kajian Mohd Ali, Hairunnizam & Nor Ghani (2004) yang mendapati golongan yang terdedah kepada ilmu pengetahuan mempunyai kesedaran yang tinggi didalam menunaikan zakat pendapatan. Kesedaran dalam melaksanakan ibadah ini perlu dititikberatkan kerana kepatuhan adalah dianggap sebagai iman didalam diri setiap muslim. Ia berkait rapat dengan tahap pengetahuan individu tentang zakat tersebut.

Selain daripada itu, medium sebaran maklumat kini memainkan peranan yang penting didalam penyerabaran pengetahuan serta kesedaran kepada individu. Ia dianggap sebagai alat dalam menyebarkan maklumat melalui media cetak, media elektronik, pendidikan formal dan tidak formal. Individu yang sangat terdedah kepada maklumat tentang zakat berkecenderungan untuk menunaikan tuntutan zakat. Menurut Hairunnizam, Sanep (2013), medium sebaran formal yang berbentuk promosi seperti pameran bergerak, peranan amil kariah dan pegawai zakat disetiap daerah memainkan peranan yang penting dan amat berkesan didalam kesedaran tentang zakat serta institusi yang menguruskan zakat. Perseptif negatif perlu dikurangkan di kalangan masyarakat agar kepentingan agama dapat dilaksanakan dengan cepat dan efisien. Kajian oleh Ismadi et. al (2004), institusi zakat perlu memainkan peranan yang proaktif bagi menyebarkan maklumat zakat melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti laman web, laman sosial, papan iklan, laporan tahunan LZS, radio, televisyen dan ceramah zakat di masjid dan juga surau. Pendapat ini selari dengan orang ramai dan tidak terhad kepada kakitangan sahaja. Sehubungan dengan itu kajian yang dilakukan oleh Nur Azura, Norazlina, Nor Fadzlin (2004), di UUM bahawa peratusan responden yang tinggi mencadangkan pihak pentadbir UUM mengadakan ceramah, bengkel taklimat dan kursus bagi memberi kesedaran agresif tentang zakat pendapatan yang boleh disertai, kajian ini lebih memfokuskan kepada peri pentingnya penggunaan medium perantaraan didalam menyampaikan maklumat tentang zakat pendapatan.

### **3. RASIONAL**

Kajian ini dilaksanakan dengan bertujuan untuk menguji tahap pengetahuan berzakat dikalangan golongan muda dan ia akan mempengaruhi potensi mereka untuk membayar zakat pada masa hadapan. Faktor pengetahuan dirujuk kepada pengetahuan umum individu tersebut. Manakala kajian kedua ialah faktor medium yang digunakan sebagai perantara didalam mempengaruhi mereka untuk berzakat. Dengan tahap pengetahuan serta saluran medium, pihak institusi LZS

dapat mengetahui bahawa faktor ini dapat memberi impak serta mengetahui potensi golongan muda untuk berzakat.

Ia meliputi golongan muda dari empat Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negeri Selangor. Mereka adalah dikalangan pelajar beragama Islam yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di tahun ketiga. Pelajar-pelajar ini dipilih berdasarkan potensi mereka untuk membayar zakat pendapatan apabila keluar sebagai graduan yang berkerja di sektor awam mahu pun disektor swasta.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah bukan rawak kerana responden yang dipilih adalah menjurus kepada responden yang dipilih khas pada tahun ketiga pembelajaran mereka. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 629 orang yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda di IPT sekitar Selangor. Model yang digunakan didalam kajian ini ialah berbentuk *Structural Equation Model (SEM)*.

Pemilihan empat IPT adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Multi Media University (MMU), Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL) dan akhir sekali ialah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Daripada keempat-empat pemilihan IPT ini, dua daripadanya mempunyai kaunter zakat university sendiri iaitu UKM yang bernama Tabung Amanah Zakat UKM (TAZUKM) manakala di MMU diberi nama dengan Tabung Amanah Zakat MMU.

#### **4. HASIL KAJIAN**

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan pengetahuan tentang zakat mempengaruhi potensi individu dalam menunaikan tuntutan zakat. Model yang digunapakai adalah model analisis Structural Equation Model (SEM) dimana pemboleh ubah X *exogenous* merujuk kepada pengetahuan. Seterusnya pemboleh ubah Y *endogenous* ialah potensi berzakat. Faktor medium atau dikenali sebagai mediator atau perantara adalah diantara kedua-dua pemboleh ubah X dan Y dan dikaji impaknya keatas potensi individu untuk berzakat. Daripada Jadual 1 hasil pengetahuan mempengaruhi potensi adalah sebanyak 59% dengan kekuatan hubungan adalah signifikan antara kedua-duanya. *Fitness Indeks* menyatakan dengan nilai GFI = 0.948 dan nilai CFI=0.978, model ini sesuai diadaptasikan didalam grafik *Structural Equation Model (SEM)*. Melalui penggunaan model ini, ia menginterpretasikan bahawa potensi dipengaruhi oleh pengetahuan adalah signifikan dan model ini dikategorikan sebagai model yang memenuhi syarat. Setiap konstruk di dalam pemboleh ubah pengetahuan mempunyai *factor loading* yang tinggi iaitu  $a_1=0.80$ ,  $a_2=0.86$ ,  $a_3=0.83$  dan  $a_4=0.62$ . Kekuatan hubungan diantara pengetahuan keatas potensi membayar adalah  $R^2=0.73$ . Setiap daripada konstruk potensi juga menggambarkan *factor loading* yang tinggi.

Hasil daripada itu, jadual 1.2 adalah keputusan hubungan diantara dua pemboleh ubah ini iaitu pengetahuan dan potensi mempunyai sebaran  $\beta = 0.712$ , S.E=0.095 dan P-Value= 0.001, hasil hubungan yang diperolehi ialah signifikan, maka ia memenuhi objektif kajian iaitu pengetahuan daripada individu mempunyai kesan keatas potensi untuk menunaikan tuntutan ibadah zakat.

**Jadual: 1.2**

**Analisis Secara Langsung Diantara X keatas Y**

			Beta Estimates	S.E	C.R	P-Value	Result
Y	←	X	0.712	0.095	7.542	***	Signifikan

Simbol \*\*\* merujuk kepada aras keertiaan 0.1%

Manakala Jadual 2 pula merujuk kepada kerangka model apabila pembolehubah medium dimasukkan sebagai mediator diantara pemboleh ubah *endogenous* dan *exogenous* didalam model. Hasil mendapati medium maklumat sebagai mediator mempengaruhi kebolehcapaian untuk individu berpotensi membayar zakat. Pengetahuan memberi impak sebanyak 0.58 keatas medium maklumat yang digunakan. Dengan meletakkan pembolehubah mediator diantara pengetahuan (X) dan potensi (Y), peratusan signifikan telah menurun tetapi masih signifikan iaitu daripada 0.59 kepada 0.24. Faktor potensi dipengaruhi oleh medium maklumat dengan kadar 0.57. Penggunaan mediator medium mempunyai hubungan yang signifikan keatas potensi membayar zakat. Selain daripada itu fitness indeks menunjukkan model yang ini adalah model baik serta tiada kekangan keatasnya. Setiap daripada konstruk mediator, *factor loading* adalah tinggi dengan kadar  $d_3=0.88$ ,  $d_4=0.92$  dan  $d_5=0.84$ . Elemen *d* mewakili komponen soalan *latern* yang terdiri daripada  $d_3$ =media cetak,  $d_4$ = pendidikan formal /tidak formal dan  $d_5$ = media elektronik. Kekuatan  $R^2 = 0.54$  daripada medium ke potensi berzakat. Kekuatan setiap konstruk juga tinggi iaitu  $d_3= R^2 = 0.77$ ,  $d_4= R^2=0.92$  dan  $d_5= R^2=0.84$ . Jadual 2.1 adalah keputusan analisis hubungan berganda diantara tiga pembolehubah iaitu pengetahuan berhubung secara langsung kepada potensi yang mempunyai sebaran  $\beta = 0.218$ , S.E= 0.058 dan P-Value= 0.001, manakala jika medium dijadikan sebagai mediator yang juga mempengaruhi potensi, maka sebaran telah berubah kepada  $\beta = 0.558$ , S.E= 0.058 dan P-Value= 0.001. Setiap analisis yang dilakukan menghasilkan keputusan yang signifikan.

**Jadual 2.1:**

**Analisis Regresi Berganda**

			Beta Estimates	S.E	C.R	P-Value	Result
Y	←	X	0.218	0.058	3.775	***	Signifikan
M	←	X	0.540	0.058	9.234	***	Signifikan
Y	←	M	0.558	0.068	8.189	***	Signifikan

Simbol \*\*\* merujuk kepada aras keertiaan 0.1%

Sehubungan dengan itu pemilihan medium responden tentang zakat adalah berdasarkan Jadual 3. Jika dilihat secara lebih terperinci, kaedah kekerapan / frequency digunapakai untuk melihat medium yang paling mempengaruhi individu terhadap potensi berzakat. Daripada Jadual 3 medium maklumat yang mempunyai kadar kekerapan yang paling tinggi ialah ceramah = 3.09%, televisyen = 3.08% diikuti dengan siaran radio= 2.7% dan khutbah =2.57%. Hasil kajian mendapati, pelajar lebih dipengaruhi oleh elemen-elemen pendidikan tidak formal seperti ceramah dan kuthbah yang sentiasa memberi kesedaran kepada golongan muda ini.

### **Jadual 3:**

#### **Pilihan Medium Maklumat Responden Tentang Zakat Pendapatan**

<b>Sumber Maklumat</b>	<b>Peratus</b>
Ceramah	3.09
Televisyen	3.08
Kuthbah	2.97
Papan Iklan	2.92
Surat Khabar	2.92
Website	2.91
Kuliah	2.82
Kaunter Bergerak	2.81
Facebook	2.71
Laporan Tahunan	2.29

Sumber: Hasil Kaji Selidik

## **5. KESIMPULAN**

Tahap keberkesanan medium maklumat memainkan peranan yang penting. Hasil kajian menjurus kepada penyampaian tentang zakat menerusi medium mempengaruhi pelajar serta pelajar ini berpotensi dalam menunaikan tuntutan zakat pendapatan. Zakat pendapatan telah diwartakan oleh kebanyakan negeri di Malaysia sebagai zakat yang wajib dipenuhi oleh individu yang telah memenuhi haul pendapatannya.

Menerusi medium yang lebih kerap dalam penyampaian maklumat tentang zakat mampu mendidik pelajar untuk tidak culas dalam berzakat apabila mereka keluar ke alam pekerjaan sebenar. Medium adalah saluran yang boleh memberi impak positif serta menyampaikan maklumat penting antara dua hala iaitu antara pihak yang menguruskan zakat serta pihak yang memberi zakat. Persepsi ini boleh juga dijelaskan menerusi medium perantaraan yang diguna pakai. Hasil kajian mendapati pelajar lebih memilih medium perantaraan yang bersifat dua-hala serta komunikasi yang jelas dalam merungkai persoalan mengenai zakat pendapatan. LZS perlu menggunakan peluang ini dalam menjawab serta memberi keyakinan tentang pengurusan zakat ini. Program promosi tentang zakat boleh dilakukan dengan sewajarnya selari dengan menggunakan *flat-form* yang bersesuaian menerusi medium tidak formal seperti ceramah, kuthbah serta kuliah-kuliah di surau dan masjid juga. Melalui medium ini ia mampu menerokai potensi individu untuk berzakat pendapatan pada masa hadapan.


Namun begitu tahap pengetahuan individu juga adalah salah satu faktor yang menghubungkan antara kesedaran dan medium perantaraan ini. Latar belakang individu yang terdedah tentang zakat membuahkan hasil yang baik dalam menunaikan ibadah berzakat pendapatan. Tahap pengetahuan samaada pengetahuan umum ataupun pengetahuan yang lebih khusus boleh direalisasikan menerusi tindakan berzakat oleh pelajar yang bergraduat nanti. Keterujaan dan kesediaan golongan ini yang menerima maklumat perlu digunakan sebaik-baiknya oleh pihak institusi zakat dalam memberi kesedaran yang berterusan tentang kepentingan berzakat pendapatan. Selain daripada itu, tanggungjawab mendidik golongan muda ini tidak hanya di bahu insitutsi LZS malah ia adalah didikan yang berterusan secara tidak formal oleh persekitaran sera masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, Sanep & Wahid, Hairunnizam, *Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harga yang Diikhtilaf*, Kumpulan kajian Ekonomi & Kewangan Islam Pusat Pengajian Ekonomi, UKM, 2005.
- Al-Quran, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. (1998). Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1995. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ismadi et. al.,(2004). *Kajian Aplikasi Sistem Dalam Pelaksanaan Zakat Berkomputer Di Negeri Melaka*. UiTM Cawangan Melaka.
- Jaafar, M. Nizam; Afif, Amirul; Amri, Hardi & Sahezan, C. Nurul (2011). *A Study on the Factors Attributes to Non Participation of Zakat Income Among the Muslim Community in Selangor*. 2<sup>nd</sup> ICBER 2011, 450-462.
- Mohd Nor, M. Ali; Wahid, Hairunnizam & Md. Nor, N. Ghani. *Kesedaran Membayar Zakat di Kalangan Professional Universiti Kebangsaan Malaysia*, Islamiyyat, 2004, 59-67.
- Muda, Muhammdad; Marzuki, Ainulashikin & Shahrudin, A. (2006). *Factors Influencing Individual Participation In Zakat Contribution: Exploratory Investigation*.
- S. Nur. Azura; Wahab. Abd. Norazlina & M. Bahar, Nor Fadzlin. (2004). *Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan : Kajian Kes UUM*.
- Wahid, Hairunnizam; Ahmad, Sanep & Mohd. Noor, M. A. (2004). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia*, 1-9.
- Wahid, Hairunnizam; Mohd. Noor, Mohd Ali & Ahmad, Sanep (2005). *Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?* IJMS, 12(2), 171-189.
- Wahid, Hairunnizam; A, Sanep, (2013). *Keberkesanan dan Kesesuaian Medium Promosi Agihan Zakat: Kajian Kes di Negeri Selangor*. PERKIM VIII, JILID 1, 28-37.

**Jadual 1:**

**Model Anggaran Hubungan Antara Pengetahuan dan Potensi Membayar Zakat**



**Jadual 2:**

**Model Anggaran Medium Maklumat Berhubung Secara Tidak Langsung diantara Pengetahuan dan Potensi Membayar Zakat**

